

BAB III : PENDIDIKAN DAN KURIKULUM BERSEPADU

SEKOLAH MENENGAH

3.1 Konsep Asas Pendidikan

3.1.1 Pengertian Pendidikan

Pendidikan membawa maksud pertumbuhan kerana ia bukan hanya terhad di sekolah sahaja tetapi berlanjutan sehingga boleh memberi kesan kepada individu dan masyarakat.⁵⁹ Pendidikan juga boleh diertikan sebagai percubaan ke atas individu atau masyarakat bagi menjadikan segala kesenian, nilai, kebudayaan dan idea berkembang sekali gus boleh digunakan untuk menjadikan individu atau masyarakat tersebut berjaya. Oleh itu, proses pendidikan mengambil masa yang lama bagi mengembangkan masyarakat itu sendiri.⁶⁰

Selain daripada itu, pendidikan juga ditakrifkan sebagai interaksi antara individu dengan individu yang lain atau dengan kumpulan-kumpulan sosial tertentu. Matlamat interaksi yang diwujudkan itu adalah untuk membentuk perkembangan keseluruhan individu dan kumpulan yang terlibat. Umumnya, perkembangan yang diinginkan termasuklah percambahan kognitif (mental), afektif (sikap) dan kebolehan atau kemahiran fizikal dan sosial.⁶¹

⁵⁹ 'Abd al-Ghani 'Abbūd & Ḥasan Ibrāhīm 'Abd al-'Āl (1990), *al-Tarbiyah al-Islāmiyyah Wa Taḥaddiyāt al-'Asr*, c.1. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabi, h. 26

⁶⁰ Manzoor Ahmed (1990), *Islamic Education Redefinition of Aims & Methodology*. New Delhi: Qazi Publishers & Distributors, h. 1

⁶¹ Robiah Sidin (1998), *Pemikiran Dalam Pendidikan*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 4

Dalam pada itu, pendidikan juga boleh ditakrifkan kepada beberapa pengertian. Pertama, diertikan sebagai pertambahan dan pertumbuhan. Kedua, bermakna mengasuh dan membangunkan dan ketiga bermaksud menjadikan sesuatu itu lebih baik.⁶²

Pendidikan juga mempunyai asas-asas tertentu yang bertindak sebagai wahana dan penentu di dalam perjalanan proses pendidikan itu sendiri, iaitu ;

- i) Asas-asas sejarah yang menyediakan guru atau pendidik dengan hasil-hasil pengalaman masa lalu, dengan undang-undang dan peraturan-peraturannya, batas-batas dan kekurangannya.
- ii) Asas-asas kemasyarakatan yang mempengaruhi corak dan budaya pendidikan.
- iii) Asas-asas ekonomi yang menjadi sumber kewangan bagi sesuatu program pendidikan bergerak.
- iv) Asas-asas politik dan pentadbiran yang menentukan arah dan aliran pendidikan untuk bergerak dan mencapai matlamatnya.
- v) Asas-asas psikologi yang menjadi pemberi maklumat tentang pelakuan dan watak pelajar, guru dan sebagainya sekali gus bertindak sebagai pembimbing bagi proses pendidikan yang berkesan.

⁶² 'Abd al-Rahmān al-Khalawī (1993), *Uṣūl al-Tarbiyah al-Islāmiyyah Wa Asālibiha*, c. 2. Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 12

- vi) Asas-asas falsafah yang memberi ruang untuk membuat pilihan di dalam pendidikan, penentuan arah, dan mengawal asas-asas yang lain.⁶³

Konsep pendidikan di dalam sesebuah negara mempunyai skop dan pengertian yang luas serta mempunyai tujuan-tujuan tertentu dari segi individu, masyarakat dan negara. Dengan demikian, konsep pendidikan memerlukan satu proses pembinaan kurikulum dan sistem penyampaian yang selari dengan kehendak sesebuah negara yang berkenaan. Pembinaan kurikulum dan sistem pelaksanaan kurikulum perlu dilakukan dengan tersusun untuk mencapai tujuan melahirkan seseorang warganegara yang memiliki segala ciri insan berpotensi bagi pembangunan negara yang didiaminya.

3.2 Pengertian Kurikulum

Kurikulum merupakan nadi bagi setiap program pendidikan kerana ia bertindak sebagai 'pemudah' untuk menyampaikan segala isi dan matlamat di dalam proses pengajaran. Jika dikaji, banyak pengertian yang diberikan kepada erti kurikulum. Antaranya, Razali Arof mengkategorikan kurikulum kepada tiga pengertian utama, iaitu ;

- i) Kurikulum sebagai sesuatu yang luas dan meliputi segala jenis pembelajaran yang dipelajari oleh semua murid dan di mana-mana sahaja

⁶³ Hasan Langgulung (1991), *Asas-Asas Pendidikan Islam*, c. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 7

di dalam kawasan sekolah sama ada ia telah dirancang oleh pihak sekolah ataupun tidak. Ini termasuklah apa sahaja yang dipelajari daripada rakan sebaya, guru, penyelia kantin, buruh sekolah dan lain-lain didefinisikan di dalam kurikulum. Bahkan, pembelajaran yang tidak dirancang oleh pihak sekolah boleh menjerumuskan pelajar ke dalam perkara negatif atau membina ke arah perkara positif, semuanya dinamakan sebagai kurikulum.

- ii) Pengertian yang kedua pula bermaksud segala pembelajaran yang dirancang oleh pihak sekolah sahaja dinamakan sebagai kurikulum. Ini termasuklah pembelajaran tersebut berlaku di dalam bilik darjah, padang sekolah, kantin, perpustakaan dan sebagainya termasuk di dalam pengertian kurikulum. Ini bermakna, maksud kurikulum di sini ialah segala jenis pembelajaran, konsep, kemahiran dan lain-lain lagi yang dirancang oleh pihak sekolah dan dipelajari pelajar.
- iii) Definisi yang ketiga adalah lebih sempit apabila kurikulum bermaksud segala pembelajaran yang dirancang oleh pihak sekolah dan hanya dipelajari di dalam bilik darjah sahaja. Justeru, pembelajaran yang berlaku di luar daripada bilik darjah tidak dinamakan sebagai kurikulum.⁶⁴

⁶⁴ Razali Arof (1991), *Pengantar Kurikulum*, c. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4

Malah, ia juga diertikan sebagai mengenal pasti apa yang harus dipelajari dan membuat perancangan bagaimana perkara tersebut dapat dilaksanakan sama ada secara terhad atau meluas.⁶⁵

Di samping itu, di dalam Bahasa Arab kurikulum diertikan sebagai *al-manhaj* atau kata jamaknya disebut *al-manāhij*. Menurut Ilyas Dayb, *al-manhaj* bermaksud jalan yang jelas dan terang. Apabila sesuatu jalan itu jelas, maka ia akan memudahkan sesuatu perjalanan sehingga sampai kepada matlamatnya.⁶⁶ Dengan itu, kurikulum yang dimaksudkan di sini ialah cara dan segala pengisian yang ingin disampaikan kepada para pelajar serta penyediaan segala kemudahan untuk menuju ke arah itu. Selanjutnya, beliau menyatakan sesuatu kurikulum boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu ;

- i) Pertama, ia mengandungi segala mata pelajaran bagi setiap lapisan pelajar. Justeru, bagi seseorang pendidik, mereka tidak boleh mengabaikan mata pelajaran yang telah digariskan di dalam sesuatu kurikulum kerana ini akan mengurangkan penerimaan maklumat berkaitan pelajaran yang ingin disampaikan.
- ii) Kedua, sesuatu kurikulum juga harus mengandungi jangka masa dan jumlah jam bagi setiap mata pelajaran seminggu. Sehubungan itu, menjadi kewajipan kepada setiap penggubal kurikulum bagi institusi

⁶⁵ Abu Bakar Nordin (1991), *Kurikulum Perspektif dan Pelaksanaan*, c. 1. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, h. 8

⁶⁶ Ilyas Dayb (1974), *Manāhij Wa Asā'il al-Tarbiyah Wa al-Ta'lim*, c. 2. Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnāni, h. 13

pendidikan menentukan secara sistematis tentang jumlah masa yang perlu bagi setiap subjek yang ingin diajar kepada para pelajar.

- iii) Ia juga harus mengambil kira tahap dan kemampuan para pelajar untuk menerima sesuatu mata pelajaran. Justeru, pengasingan para pelajar mengikut kemampuan perlu dilakukan agar pembelajaran akan lebih efektif dan berkesan.⁶⁷

David Nunan pula menyatakan pengertian kurikulum adalah terlalu luas dan kompleks serta mempunyai pelbagai definisi. Walau bagaimanapun, beliau mentakrifkan kurikulum sebagai prinsip dan prosedur bagi sesuatu perancangan, pelaksanaan, penilaian dan pengurusan di dalam program pendidikan.⁶⁸

Taba mentakrifkan kurikulum sebagai suatu perancangan untuk belajar.⁶⁹ Sementara itu, Daniel Tanner dan Laurel N. Tanner telah mengamati banyak takrif tentang kurikulum dan mereka membuat satu kesimpulan bahawa ia mempunyai pelbagai definisi dan pemahaman. Semuanya adalah bergantung kepada penggunaan di dalam aspek dan kategori yang berbeza. Di antaranya ialah ;

- i) pertumbuhan dan peningkatan untuk mengendalikan segala perkara yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan
- ii) cara dan gaya yang dihasilkan daripada pemikiran, idea dan sebagainya

⁶⁷ *Ibid.*, h. 14-16


⁶⁸ David Nunan (1990), "Using Learner Data In Curriculum Development", dalam *English For Specific Purposes (An International Journal)*, IX, Number 1, h. 17

⁶⁹ Hilda Taba (1962), *Curriculum Development : Theory and Practice*. New York: Harcourt Brace Jovanovich, h. 11

- iii) pengalaman sesuatu bangsa dan keturunan
- iv) pengalaman di dalam sesuatu panduan dan bimbingan
- v) rancangan pembelajaran mengikut persekitaran
- vi) pengisian dan proses kognitif serta afektif
- vii) rancangan pengajaran
- viii) hasil dan penyudah sesuatu pengajaran
- ix) sistem teknologi sesuatu pengeluaran⁷⁰

Walau bagaimanapun, lingkungan dan cakupan kurikulum telah diringkaskan oleh Jon Wiles dan Joseph C. Bondi sebagaimana gambarajah di bawah ;

Rajah 3.2 : Ruang lingkup kurikulum



⁷⁰ Daniel Tanner & Laurel N. Tanner (1980), *Curriculum Development : Theory into Practice*, c. 2. New York: Macmillan Publishing Company, h. 36

3.3 Perancangan Kurikulum

Perancangan sesuatu kurikulum merupakan langkah terpenting dalam dunia pendidikan kerana ia menjadi batu asas bagi mencapai matlamat jangka masa panjang di dalam program pendidikan. Perancangan Kurikulum ialah suatu proses di mana seseorang atau sesuatu kumpulan mengatur dan menyusun idea bagi menyediakan dan mengatur jalan untuk mencapai matlamat yang tertentu.⁷¹ Ia membabitkan beberapa siri pemilihan, dan pada kebiasaannya berdasarkan kepada nilai yang ingin dicapai. Menurut J. Galen Saylor dll., perancangan kurikulum adalah termasuk di dalam pengertian kurikulum itu sendiri kerana mereka berpendapat maksud kurikulum adalah terlalu luas yang mengandungi segala usaha dan program yang terperinci bagi sesuatu pengendalian dalam bidang pendidikan.⁷²

Selain daripada itu, Jon Wiles dan Joseph C. Bondi menyatakan bahawa perancangan sesuatu kurikulum adalah berasaskan kepada beberapa persoalan sebagaimana berikut ;

- i) Apakah keperluan terakhir di dalam sesuatu proses pendidikan ?
- ii) Apakah kehidupan terbaik yang ingin dicapai ?
- iii) Sejauh mana sesuatu program pendidikan akan berjaya mengubah sesebuah warganegara pada masa akan datang ?

⁷¹ Dale L. Brubaker (1982), *Curriculum Planning The Dynamics of Theory and Practice*. Glenview, Illinois: Foresman and Company, h. 3

⁷² J. Galen Saylor *et al.* (1981), *Curriculum Planning for Better Teaching and Learning*. New York: Holt-Saunders International Editions, h. 28

- iv) Untuk apakah kesudahan tanggungjawab di dalam sesebuah institusi pendidikan ?
- v) Apakah bidang sesuatu subjek teramat penting ?
- vi) Apakah bentuk isi kandungan di dalam sesuatu subjek setelah ia dirancang ?
- vii) Bagaimanakah peralatan di dalam sesuatu program pendidikan patut diuruskan ?
- viii) Apakah tanggungjawab yang sepatutnya dijalankan oleh setiap peringkat institusi pendidikan ?
- ix) Apakah kepentingan perkaitan antara setiap bidang di dalam sesuatu lapangan pendidikan ?
- x) Berapakah banyak masa yang perlu diperuntukkan bagi setiap mata pelajaran ?
- xi) Berapakah jangka masa yang bagi sesuatu program pendidikan ?
- xii) Apakah tempoh masa maksimum di dalam sehari dan setahun bagi waktu persekolahan ?
- xiii) Apakah tahap maksimum pengisian kerja sekolah yang diberikan kepada setiap pelajar ?
- xiv) Apakah kemungkinan paling besar keperluan para pelajar pada masa akan datang ?

Persoalan yang telah dikemukakan ini menggambarkan bahawa perancangan sesuatu kurikulum memerlukan kemahiran, daya usaha yang tinggi serta kefahaman tentang kehendak dan keperluan semasa serta akan datang.

3.4 Objektif Kurikulum

Dalam konsep perancangan kurikulum, objektif pendidikan boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu objektif perancangan kurikulum dan objektif perubahan tingkah laku.⁷³

3.4.1 Objektif Perancangan Kurikulum

Objektif perancangan kurikulum yang dimaksudkan di sini ialah matlamat yang hendak dicapai dalam jangka masa panjang melalui kurikulum yang digubal di sesebuah sekolah atau institusi pendidikan. Matlamat yang ingin dicapai adalah mengikut aliran pengajian yang diambil oleh setiap murid sama ada mereka berada di dalam aliran sains, sastera, perdagangan atau agama. Jika seseorang pelajar berada di dalam aliran sastera dan agama misalnya, objektif yang ingin dicapai oleh para guru adalah lebih bersifat domain kognitif⁷⁴ dan afektif⁷⁵.

3.4.2 Objektif Perubahan Tingkah Laku

Objektif Perubahan Tingkah Laku ialah pengharapan para guru kepada murid-murid mereka untuk mencapai objektif dalam jangka masa pendek dan pada kebiasaannya ditentukan di dalam suatu unit pelajaran sahaja. Objektif ini boleh juga diertikan sebagai objektif perancangan bagi sesuatu pelajaran dan pengajaran harian.⁷⁶ Misalnya, pelajaran beriman kepada rasul di dalam subjek

⁷³ Mohd. Salleh Lebar (1996), *Kurikulum Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., h 45

⁷⁴ Segala perkara yang berkaitan dengan kognisi (proses mental untuk mentafsir, mempelajari dan memahami sesuatu). Lihat ; *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

⁷⁵ Segala perkara yang berkaitan dengan perasaan dan emosi. Lihat ; *Kamus Dewan*

⁷⁶ Mohd. Salleh Lebar (1996), *op. cit.*

Pendidikan Islam, adalah supaya pelajar memahami tentang sifat-sifat para rasul dan sebagainya.

3.5 Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)

Rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan satu alternatif kerajaan bagi meningkatkan mutu pendidikan negara dengan menekankan kebolehan individu secara menyeluruh yang merangkumi aspek rohani, jasmani, intelek dan sebagainya. Usaha ke arah pelaksanaan KBSM bermula pada tahun 1980 apabila beberapa perakuan telah dikemukakan di dalam laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979).⁷⁷ Ini memandangkan kurikulum yang lama kurang memberi kesan kepada para pelajar bagi menjadikan mereka sebagai warganegara bersemangat patriotik yang tinggi dan berakhlak mulia. Ini memandangkan kandungan di dalam kurikulum lama sekolah menengah terlalu mengambil berat tentang ilmu pengetahuan dan penekanan yang berlebihan bagi persediaan untuk pelajaran tinggi. Penekanan yang berlebihan kepada ilmu pengetahuan menyebabkan akhlak dan moral pelajar kurang mendapat tumpuan.⁷⁸ Menyedari hakikat ini, kurikulum lama yang dijalankan di sekolah menengah telah diubahsuai supaya kesepaduan dan keseimbangan wujud dalam perkembangan intelek, rohani, jasmani dan emosi agar pelajar dapat berhadapan dengan cabaran hidup masa kini seterusnya memainkan peranan yang sepatutnya di dalam masyarakat dan negara.

⁷⁷ Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som (1999), *Isu Pendidikan Di Malaysia, Sorotan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 81

⁷⁸ *Ibid.*, h. 82

Sebelum lahirnya Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Menteri Pelajaran yang pertama iaitu Allahyarham Tun Haji Abdul Razak telah menubuhkan satu jawatankuasa yang bertujuan mengkaji semula sistem pendidikan di Tanah Melayu pada tahun 1956 yang dikenali sebagai Laporan Razak atau Penyata Razak. Tujuan jawatankuasa ini adalah untuk mewujudkan dan memelihara kestabilan sosial serta politik menjamin pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan hidup rakyat melalui sistem pendidikan yang lebih tersusun.⁷⁹ Ini kerana, sistem pendidikan yang diperkenalkan penjajah yang mewujudkan sekolah seperti Vernakular Melayu, Cina dan Tamil tidak menyemai unsur-unsur semangat kebangsaan serta tidak dapat menampung keperluan tersebut. Oleh itu, matlamat Laporan Razak adalah untuk mewujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan untuk semua kaum dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Di dalam laporan ini, telah dikemukakan beberapa cadangan seperti menyamakan sukatan pelajaran bagi semua sekolah di Tanah Melayu, Bahasa Melayu dijadikan Bahasa Pengantar utama, menubuhkan sejenis sekolah menengah sahaja yang terbuka kepada semua kaum dan sebagainya.⁸⁰ Dengan itu, jelaslah bahawa tujuan utama Laporan Razak ialah bagi mewujudkan perpaduan negara yang terdiri daripada berbagai kaum.

Selain daripada itu, Encik Rahman Talib, seorang tokoh pendidikan di Tanah Melayu mengadakan laporan yang dinamakan sebagai Laporan Rahman Talib dan ianya telah menjadi Akta Pelajaran pada tahun 1961. Jawatankuasa ini

⁷⁹ Shahril @ Charil Marzuki *et al.* (1993), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 53

⁸⁰ *Ibid.*

dipengerusikan sendiri oleh Rahman Talib untuk menyelesaikan perkara yang tidak jelas di dalam Laporan Razak. Laporan Razak menyatakan supaya sekolah menengah menggunakan dua bahasa pengantar yang mengutamakan Bahasa Melayu. Namun, di dalam Laporan Rahman Talib, ia mahukan satu bahasa sahaja yang digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah Tanah Melayu. Tambahan pula, Laporan Razak juga memperlihatkan bahasa Melayu terumbang-ambing dalam arus percaturan politik kerana lulusan sekolah Inggeris terus menerima pasaran ekonomi yang lebih memuaskan.⁸¹ Di antara cadangan yang dikemukakan di dalam Laporan Rahman Talib ialah mengubah bahasa pengantar Inggeris di sekolah rendah ke bahasa Melayu, peperiksaan awam sekolah-sekolah menengah diadakan dalam satu bahasa rasmi sahaja iaitu Bahasa Melayu, memperbanyakkan pelajaran teknik dan vokasional serta lain-lain lagi.⁸²

Pada bulan September tahun 1974, Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran telah ditubuhkan untuk mengkaji semula matlamat dan kesan sistem pelajaran yang sedia ada. Ini dilakukan supaya sistem pelajaran yang wujud mampu memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu-padu, berdisiplin dan terlatih.⁸³ Menurut Laporan Kabinet tahun 1979, kemahiran dan kurikulum adalah tertumpu pada bidang komunikasi, alam sekitar, perkembangan diri, membantu murid yang lemah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran diperbaiki lagi supaya ianya lebih mantap. Dalam pada itu, Jawatankuasa ini juga mencadangkan supaya Kurikulum Baru Sekolah Rendah

⁸¹ Mohd. Salleh Lebar (1992), *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 64

⁸² *Ibid.*, h. 65

⁸³ Shahril @ Charil Marzuki *et al.* (1993), *op. cit.*, h. 68

diperkenalkan.⁸⁴ Bermula daripada Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, peranan pendidikan di negara ini mula berubah. Di samping meneliti kemampuan sistem pendidikan untuk melahirkan rakyat yang bersatu-padu, terlatih dan berdisiplin, jawatankuasa ini juga sangat perihatin terhadap masalah pendidikan akhlak atau pendidikan moral.⁸⁵ Dengan erti kata yang lain, peranan pendidikan tidak seharusnya ditumpukan kepada pembangunan negara dan pengeluaran tenaga manusia semata-mata, malah perlu juga menjurus kepada pembentukan keperibadian insan selaras dengan pembangunan kemanusiaan.

Bagi mewujudkan generasi yang sedemikian, sistem pendidikan yang berjalan perlu berlandaskan satu falsafah yang jelas untuk membawa masyarakat dan negara ke arah yang dituju. Dengan itu, pada tahun 1987, pernyataan Falsafah Pendidikan Negara telah diisytiharkan secara rasmi oleh kerajaan.⁸⁶ Di dalam Falsafah Pendidikan Negara dinyatakan ;

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ Tajul Ariffin Nordin (1993), *Perspektif Falsafah Dan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 38

⁸⁶ *Ibid.*, h. 39

diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”⁸⁷

Oleh yang demikian, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah telah dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 1989. Bagi mengukuhkan lagi apa yang telah dipelajari di peringkat sekolah rendah, Kementerian Pendidikan khususnya telah menggunakan strategi bersepadu di peringkat menengah. Langkah ini bertujuan memastikan semua mata pelajaran yang diajar tidak terpisah di antara satu dengan yang lain. Malah, ia mempunyai kaitan dan bersifat sepadu dan menyeluruh. Unsur utama yang akan digunakan bagi mewujudkan kesepaduan yang ingin dicapai ialah unsur-unsur nilai.⁸⁸ Unsur nilai yang dimaksudkan ialah nilai-nilai baik hati, berhemah tinggi, hormat-menghormati dan sebagainya. Nilai-nilai ini akan diserapkan melalui semua mata pelajaran. Ini bermakna, guru-guru akan memasukkan pengetahuan tentang nilai-nilai murni dalam setiap mata pelajaran yang diajar.⁸⁹ Dalam hal ini, konsep bersepadu yang digarap di dalam KBSM diharapkan akan dapat mewujudkan insan yang berwawasan, berakhlak, berilmu dan mempunyai segala bentuk kekuatan bagi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Konsep pendidikan moden yang mengamalkan dualisme, iaitu sistem pendidikan yang mementingkan aspek pembangunan lahiriah semata-mata adalah

⁸⁷ Pusat Perkembangan Kurikulum (1988), *Falsafah Pendidikan Negara*, Kementerian Pendidikan – Malaysia

⁸⁸ Pusat Perkembangan Kurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia) (1990), *Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah : Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 26

⁸⁹ *Ibid.*

bercanggah dengan falsafah bersepadu yang ingin diterapkan di dalam KBSM. Daripada aliran pendidikan yang berteraskan dualisme yang sebegini akan lahir dua kategori generasi yang berbeza sama sekali, khususnya dari segi cara berfikir, pembinaan kerohanian dan keseimbangan emosi. Justeru, sekiranya sistem pendidikan terlalu mengkhusus dan sempit, dan tidak pula menggabungkan aspek-aspek nilai secara bersama, akan melahirkan golongan intelek yang tidak bermoral dan berakhlak. Justeru, tidak mustahil jika terdapat golongan profesional yang melakukan penyelewengan, jenayah dan sebagainya kerana tidak berpengetahuan agama. Sebaliknya, golongan agama juga akan ketandusan pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi yang menjadi alat di dalam kehidupan zaman moden.⁹⁰

Untuk merealisasikan konsep bersepadu yang digarap di dalam KBSM, segala sumber dan tenaga perlu digemblengkan daripada pihak Kementerian Pendidikan, Jabatan-Jabatan Pendidikan, Sekolah-Sekolah dan Para Guru serta murid. Ini adalah bertujuan mencapai apa yang telah dinyatakan, berdasarkan falsafah pendidikan kebangsaan, iaitu untuk melahirkan insan yang cemerlang dari segala aspek termasuklah intelek, rohani, emosi dan jasmani. Melalui rancangan KBSM, ia dijangka dapat menyumbang kepada perkembangan individu secara menyeluruh dan bersepadu sekali gus menjadi aset utama bagi pembangunan negara.⁹¹

⁹⁰ Tajul Ariffin Noordin (1993), "Pendidikan Bersepadu : Konsep dan Falsafahnya Di Dalam KBSM" dalam Adnan Kamis (ed), *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Pandangan dan Maklum Balas*, c. 1. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 37

⁹¹ Pusat Perkembangan Kurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia) (1990), *Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)*, c. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 145

Bagi mencapai matlamat dan tujuan yang telah ditetapkan, perancangan dan struktur di dalam KBSM telah dibentuk agar dapat mencapai matlamat yang telah digariskan. Dengan itu, kewujudan KBSM menjadi pemangkin yang amat penting bagi merealisasikan matlamat yang ingin dicapai di dalam Falsafah Pendidikan Negara.

3.5.1 Prinsip-Prinsip KBSM

Menurut apa yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan, penggubalan KBSM adalah berpandukan kepada prinsip-prinsip sebagaimana berikut ;

i) Kesepaduan unsur-unsur intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan, KBSM digubal agar wujudnya kesepaduan antara unsur-unsur intelek, rohani, emosi dan jasmani. Kesepaduan unsur-unsur ini akan membolehkan potensi individu berkembang dengan menyeluruh dan seimbang. Hanya dengan perkembangan yang sedemikian mereka akan dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.⁹²

ii) Pendidikan Umum Untuk Semua Pelajar

Perkembangan ilmu pengetahuan yang pesat dan keperluan kemahiran yang spesifik dalam alam pekerjaan menyebabkan berlakunya pengkhususan di dalam kurikulum sekolah. Pendidikan di sekolah seharusnya membekalkan pelajar dengan kemahiran asas yang menyediakannya untuk berbagai-bagai bidang pekerjaan dan bukan kemahiran yang khusus untuk satu pekerjaan sahaja.

⁹² *Ibid.*, h. 146

Penggubalan KBSM dirancang supaya semua pelajar mendapat pendidikan yang umum. Ini bermakna, pengkhususan di dalam bidang-bidang tertentu berlaku apabila mereka tiba di peringkat pengajian yang lebih tinggi.⁹³

iii) Pendidikan Seumur Hidup

Pendidikan merupakan satu usaha yang berterusan. Peringkat persekolahan hanyalah bahagian awal di dalam usaha ini. Oleh itu, pendidikan di sekolah seharusnya menyediakan pelajar untuk pembelajaran seterusnya dalam menghadapi cabaran-cabaran hidup. Sesuai dengan prinsip ini, pengetahuan dan kemahiran yang diberi di dalam rancangan KBSM merupakan asas-asas yang diperlukan oleh semua orang sebagai keperluan untuk menghadapi kehidupan seharian dan juga asas untuk pendidikan seumur hidup.⁹⁴

iv) Penekanan Kepada Unsur-Unsur Nilai

Penghayatan dan amalan nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan juga menjadi tumpuan dalam rancangan KBSM. Walaupun perkara ini menjadi tumpuan utama dalam bidang kajian agama dan moral, namun pemupukan nilai-nilai yang murni juga diserap dalam bidang-bidang kajian yang lain.

v) Peningkatan Penguasaan Bahasa Malaysia

Bahasa Malaysia merupakan satu alat yang penting dalam usaha untuk mencapai perpaduan rakyat. Sesuai dengan usaha ini, Bahasa Malaysia dijadikan bahasa komunikasi utama dan bahasa ilmu. Oleh yang demikian KBSM

⁹³ *Ibid.*

⁹⁴ *Ibid.*

memberikan tumpuan khas dalam meningkatkan penguasaan dan penggunaan Bahasa Malaysia dalam semua bidang kajiannya.

vi) Kesenambungan dari peringkat sekolah rendah

Dalam usaha untuk menggubal KBSM, kesinambungan pembelajaran daripada peringkat rendah diambil kira untuk memastikan tumpuan, isi kandungan dan cara belajar adalah bertitik tolak daripada pendidikan peringkat sekolah rendah. Asas-asas pembelajaran yang dibina di peringkat rendah dilanjutkan dan diperluaskan lagi di peringkat menengah.⁹⁵

vii) Menggunakan disiplin ilmu yang ada

Disiplin ilmu merangkumi satu bidang pengetahuan dan cara yang tertentu untuk berfikir dan melakukan sesuatu. Dengan itu, disiplin-disiplin ilmu yang ada sekarang digunakan sebagai asas bagi menentukan mata pelajaran di dalam KBSM. Walau bagaimanapun, aspek-aspek seperti pemupukan nilai-nilai, kemahiran berkomunikasi serta perkembangan daya pemikiran dan kemahiran belajar diserapkan dalam semua mata pelajaran.⁹⁶

viii) Pendidikan yang menyokong pembelajaran dalam bilik darjah


Pendidikan yang disampaikan melalui aktiviti bilik darjah perlu diperluaskan dan diperkukuh lagi melalui penghayatan amalan di luar bilik darjah. Dengan ini barulah pendidikan itu berguna dan bermakna kepada pelajar. Oleh yang demikian, aktiviti di luar bilik darjah perlu dirancang bagi menyokong

⁹⁵ *Ibid.*, h. 147

⁹⁶ *Ibid.*

pembelajaran dalam bilik darjah.⁹⁷ Oleh yang demikian, jika dilihat kepada prinsip-prinsip yang telah digariskan di dalam KBSM, ia lebih menjurus kepada melahirkan insan yang berpendidikan dan berpengetahuan yang mampu membawa negara ke arah kecemerlangan dari segenap aspek iaitu spiritual dan fizikal. Justeru, segala prinsip tersebut dapat diringkaskan sebagaimana gambarajah di bawah ;

Rajah 3.5.1 : Prinsip-Prinsip Asas KBSM



⁹⁷ Ibid.

3.5.2 Struktur dan Perancangan KBSM

- i) Menyediakan pelbagai sumber dan bahan agar pelajar dapat mengikuti pelajaran dengan berkesan dan selesa. Bahan-bahan yang dimaksudkan seperti buku teks, huraian sukatan pelajaran, bilik sumber dan sebagainya.
- ii) Para guru bertindak sebagai fasilitator untuk membimbing dan menyampaikan segala maklumat tentang KBSM kepada para pelajar serta memberi komitmen yang baik ke arah memupuk pelajar mencapai kecemerlangan.
- iii) Pengetua, Pegawai Pendidikan Daerah, Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri dan juga pihak Kementerian Pendidikan seharusnya menjadi nadi penggerak utama untuk melaksanakan KBSM dan mencapai matlamatnya.
- iv) Sukatan pelajaran di maktab perguruan dari semasa ke semasa hendaklah disemak agar isi kandungannya selaras dengan KBSM. Pensyarah dan para guru perlu diberi pendedahan tentang matlamat dan sukatan mata pelajaran di dalam KBSM.
- v) Rancangan Radio dan TV Pendidikan memainkan peranan penting untuk menyebarkan maklumat yang berkaitan dengan KBSM.
- vi) Mewujudkan sistem penilaian selepas tamat sesuatu semester bagi peperiksaan seperti PMR, SPM, dan STPM.⁹⁸

⁹⁸ Mohd. Salleh Lebar, *op. cit.*, h. 101

3.5.3 Konsep Bersepadu Di Dalam KBSM

Di dalam KBSM, pendekatan bersepadu yang dimaksudkan ialah penggabungan aspek pengetahuan dengan aspek kemahiran dan nilai murni, aspek teori dan amali serta kurikulum dengan kokurikulum dan budaya sekolah.⁹⁹ Dengan erti kata yang lain, KBSM digubal adalah untuk membina pelajar yang berpotensi tinggi dari aspek spiritual dan fizikal yang merangkumi intelek, rohani dan emosi.

3.5.3(a) Aspek Kurikulum

Unsur-unsur penting yang terdapat di dalam aspek kurikulum KBSM adalah sebagaimana berikut ;

- i. Ilmu dan Kemahiran
 - Setiap disiplin ilmu dirujuk dan diselaraskan dengan Falsafah dan Matlamat Pendidikan Negara. Falsafah dan matlamat tersebut diterjemahkan ke dalam objektif setiap mata pelajaran.
 - Kandungan kurikulum dapat mengembangkan lagi kemahiran asas yang diperolehi di peringkat rendah.
 - Kandungan kurikulum turut memperkembangkan kemahiran belajar, psikomotor dan sosial yang sudah diperolehi semenjak peringkat rendah.

⁹⁹ Shahril @ Charil Marzuki *et al.*, *op. cit.*, h. 87

- Kandungan kurikulum yang dapat membina intelek dan mengembangkan daya pemikiran untuk menghuraikan, mencerakinkan, merumus dan menghasilkan idea-idea yang bemas.
- Kandungan kurikulum dikaitkan dengan kehidupan seharian.¹⁰⁰

ii. Nilai-Nilai Murni

- Nilai-nilai murni merupakan unsur yang amat penting dan diserapkan ke dalam setiap mata pelajaran.
- Nilai-nilai murni ini adalah bersifat universal dan tidak bercanggah dengan agama, budaya dan norma masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum, bangsa dan kepercayaan. Di samping itu, nilai-nilai murni ini juga berteraskan kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan. Nilai-nilai tersebut adalah seperti ;

- baik hati
- berdikari
- hemah tinggi
- hormat-menghormati
- kasih sayang
- keadilan
- kebebasan
- keberanian
- kebersihan fizikal dan mental

¹⁰⁰ *Ibid.*

- kejujuran
- kerajinan
- kerjasama
- kesederhanaan
- kesyukuran
- rasional
- semangat kerjasama¹⁰¹

iii. Bahasa

- Untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam semua aspek subjek yang dipelajari di sekolah dengan memberikan penekanan terhadap penggunaan bahasa yang betul. Ini termasuk aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa (mengikut setiap mata pelajaran).
- Untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, penekanan akan diberi terhadap aspek ketepatan berkomunikasi, berbahasa, kemampuan untuk berfikir dan penggunaan bahasa Melayu secara kreatif.
- Penggunaan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab sebagai sumber bagi menimba dan memperoleh ilmu.¹⁰²

¹⁰¹ *Ibid.*, h. 88

¹⁰² *Ibid.*, h. 89

3.5.3(b) Aspek Kokurikulum

Gerak kerja kokurikulum di dalam KBSM dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu pasukan pakaian seragam, persatuan atau kelab dan juga sukan.

Gerak kerja kokurikulum mempunyai peranan dan fungsi sebagaimana berikut ;

- i. Memupuk dan mengeratkan hubungan di kalangan pelajar dan juga antara sekolah dengan masyarakat.
- ii. Mengisi masa lapang dengan aktiviti yang mengembirakan dan berfaedah di samping memelihara kesihatan fizikal dan mental.
- iii. Mengamal dan mengukuhkan ilmu pengetahuan yang diperolehi di bilik darjah.
- iv. Memberikan peluang kepada pelajar untuk melatih diri serta memupuk sikap yakin kepada diri sendiri dan berdikari.
- v. Membantu pelajar melengkapkan bidang akademik dengan memupuk kesedaran tentang pemilihan kerjaya.¹⁰³

3.5.3(c) Budaya Sekolah

Perkara utama yang diberi penekanan dalam pembentukan budaya sekolah menurut KBSM adalah seperti berikut ;

- i. Keadaan fizikal sekolah yang baik.
- ii. Aspek sosial sekolah yang dapat merangsang pembinaan insan yang baik.
- iii. Budaya ilmu yang positif.
- iv. Penggunaan bahasa yang baik.¹⁰⁴

¹⁰³ *Ibid.*

3.5.4 Mata Pelajaran Di Dalam KBSM

Berdasarkan kepada konsep dan falsafah di dalam KBSM, asas kandungan yang terdapat di dalamnya merangkumi perkara-perkar berikut ;

- i. Kemahiran menggunakan bahasa Melayu.
- ii. Kemahiran belajar dan mendapatkan ilmu.
- iii. Kemahiran mengira.
- iv. Keupayaan berfikir secara kreatif inovatif.
- v. Kebolehan memahami fenomena alam sejagat.
- vi. Perkembangan daya imaginatif dan kreatif.
- vii. Pembentukan akhlak yang mulia.
- viii. Semangat setia kepada negara.
- ix. Pembinaan diri yang sihat dan sentiasa produktif.¹⁰⁵

Asas-asas tersebut dapat diaplikasikan sama ada secara langsung atau sebaliknya di dalam sistem pengajian peringkat sekolah menengah. Sistem pengajian di peringkat sekolah menengah boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat menengah rendah dan peringkat menengah atas.¹⁰⁶ Pengkelasan sebegini dilakukan demi memudahkan pemahaman pelajar tentang mata pelajaran yang akan dihadapi semasa berada di sekolah menengah setelah mereka menduduki sekolah rendah.

¹⁰⁴ *Ibid.*, h. 90


¹⁰⁵ Mohd. Salleh Lebar, *op. cit.*, h. 102

¹⁰⁶ Shahril @ Charil Marzuki *et al.*, *op. cit.*, h. 90-92

3.5.4(a) Mata Pelajaran Peringkat Menengah Rendah

Mata pelajaran di peringkat menengah rendah telah dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu mata pelajaran teras dan mata pelajaran tambahan. Kedua-dua bahagian tersebut boleh diringkaskan sebagaimana rajah di bawah ;

Rajah 3.5.4(a) : Mata pelajaran peringkat menengah rendah



Para pelajar yang berada di peringkat menengah rendah dikehendaki mengambil semua mata pelajaran teras. Di samping mata pelajaran teras, mereka juga boleh mengambil mata pelajaran tambahan sama ada Bahasa Cina, Bahasa Tamil atau Bahasa Arab Komunikasi.¹⁰⁷

¹⁰⁷ *Ibid.*, h. 91

3.5.4(b) Mata Pelajaran Peringkat Menengah Atas

Di peringkat menengah atas, di samping mata pelajaran teras dan tambahan, berbagai-bagai mata pelajaran elektif diwujudkan bagi memenuhi bakat, potensi dan minat terhadap pelajaran. Mata pelajaran elektif boleh dikategorikan kepada beberapa kumpulan, iaitu ;

- i. Kumpulan kemanusiaan
- ii. Kumpulan vokasional
- iii. Kumpulan teknologi
- iv. Kumpulan sains
- v. Kumpulan Pengajian Islam¹⁰⁸

Ini menunjukkan bahawa hasrat kerajaan melaksanakan KBSM adalah bagi menghasilkan para pelajar yang mempunyai pelbagai pilihan ketika memasuki sekolah menengah. Hasil daripada dorongan untuk memilih salah satu daripada kumpulan mata pelajaran yang berkenaan, mereka diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara menurut jurusan masing-masing. Ini kerana, setiap pelajar yang mengambil subjek teras dan tambahan, mereka juga harus mempelajari mata pelajaran elektif bagi menambahkan pengetahuan mereka di dalam bidang yang berkenaan.

Ringkasnya, senarai mata pelajaran di peringkat menengah atas ini boleh diringkaskan sebagaimana rajah di bawah ;

¹⁰⁸ *Ibid*, h. 92

Rajah 3.5.4(b) : Mata pelajaran peringkat menengah atas



Daripada rajah di atas, dapat disimpulkan bahawa KBSM mempunyai kepelbagaian mata pelajaran yang boleh dipelajari oleh para pelajar. Di dalam senarai mata pelajaran teras, terdapat subjek Pendidikan Islam yang menjadi

tujuan utama di dalam penyelidikan ini, terutamanya yang menyentuh tentang persoalan Ilmu Usuluddin atau Akidah.

Ruang lingkup subjek Pendidikan Islam di dalam KBSM ditekankan kepada dua bidang utama, iaitu Tilawah al-Quran dan Ulum Syariah. Bidang Tilawah al-Quran mencakupi aspek membaca, memahami, menghafaz dan menghayati pengajaran serta hikmah ayat-ayat al-Quran. Di samping itu, bidang Ulum Syariah pula memberi penekanan kepada aspek-aspek keimanan kepada Allah SWT seperti sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi-Nya. Begitu juga dibincangkan tentang kepercayaan kepada malaikat, Rasul, kitab serta qada' dan qadar. Di samping itu, di dalam Ulum Syariah juga disentuh tentang ibadat, sirah nabi akhlak.¹⁰⁹ Walau bagaimanapun, di dalam penyelidikan ini akan ditumpukan kepada bidang Ulum Syariah sahaja yang mengandungi pelajaran tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan akidah.¹¹⁰

¹⁰⁹ Mohd. Salleh Lebar, *op. cit.*, hlm. 105

¹¹⁰ Huraian sukatan bagi pelajaran akidah yang menjadi kajian di dalam penyelidikan ini boleh dilihat di Lampiran 1 hingga 5